# TEKNIK/DAN GAYA = PERGERAKAN
# BUAH PUKULAN SENI SILAT MELAYU

Oleh

KAMAL ZAIDAN BIN HJ. AHMAD

Tesis ini dikemukakan kepada Kajian Senilukis dan Senireka, Institut Teknologi MARA, Shah Alam sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan Diploma Senilukis dan Senireka.

. KANDUNGAN


| | MUKA SURAT |
|---|---|
| PENDAHULUAN | (i) |
| PENGHARGAAN | ,. . •> (11) |
| BAB 1 | |
| 1. PENGENALAN . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . | |
| 2. ASAL-USUL SENI SILAT . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . | 3 |
| - Definisi 'silat' | .6 |
| - Asal-Usul Terciptanya 'Buah Pukulan[1] | 8 |
| - Dofinisi Buah Pukulan | 11 |
| - Kaitan 'SILAT' Dengan 'BUah Pukulan' | 13 |
| 3. ANTARA PERTUBUHAN SENISILAT DI MALAYSIA . . . . . . . . . . . . . . | 14 |
| - Senarai Jenis-Jenis Pertubuhan Silat Di Malaysia | 16 |
| 4. PERANAN BUAH PUKULAN DSALAM SENI SILAT MELAYU . . . . . . . . | 25 |
| - i) Estetika | 25 |
| ii) Mempertahankan Diri (Bela Diri) | 26 |
| iii) Falsafah | 26 |
| 5. GAYA DAN ASAS TEKNIK PERGERAKAN DALAM BUAH PUKULAN______ | 28 |
| i) Tangan • | 28 |
| ii) Kaki | 29 |
| - Menangkis dan Menepis | 30 |
| - Kaedah Buah Pukulan | 31 |
| i) Tangan Kosong | 31 |
| ii) Bersenjata | 32 |
| - Perkara Penting Dalam Buah Pukulan | 32 |
| i) Pergerakan | 33 |
| ii) Kepantasan | 34 |
| iii) Ketenangan | 35 |
| Kesimpulan | 36 |
| Gerak, Asas dan Umum | 37 |
| A. Langkah | 37 |
| B. Elak | 39' |
| C. Tangkis atau Tepisan | ;41 |
| D. Serangan Tangan | 43 |
| E. Serangan Kaki • | 45 |

6. TEKNIK BUAH PUKULAN DALAM MENGATASI LAWAN . . . . . . . . . . . . . . . 47

i) Hanya Mengelak 47
ii) Mengelak dan menangkis 47
iii) Mengelak dan Menangkap 48
iv) Menangkis dan Menangkap 48
v) Tidak Mengelak Tetapi Menepis 48
vi) Tidak Mengelak Tetapi Menangkap 48

- Penerangan Terperinci 49

7. FAKTOR-FAKTOR YANG BOLEH MELEMAHKAN. SESUATU BUAH PUKULAN . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . 56

1) Lapis 57
2) Mundur (Tarik Langkah) 58
3) Serang Tatkala diserang 58
4) Peka Akan Tipu Helah 59

8. ANGGOTA-ANGGOTA BADAN YANG DIGUNAKAN DALAM MELAKUKAN BUAH PUKULAN . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . 61

a) Tangan 61
b) Siku 62
c) Kaki 62
d) Kepala . 62

- Bahagian Tubuh Yang Menjadi Sasaran Buah Pukulan 63

A) Bahagian'Atas 63
B) Bahagian Tengah 63
C) Bahagian Bawah 64

- Anggota Yang Menjadi Senjata dan Sasaran Yang sesuai. 65

9. PENUTUP . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . . 67

BIBLIOGRAFI

'APPENDIXES'

## PENGHARGAAN

Segala pujian bagi Allah, kerana dengan kehendakNya maka saya telah berhasil mengusahakan tesis yang dipertanggungjawabkan kepada saya. Atas kejayaan ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua ibubapa saya, kepada pensyarah saya selaku penasihat iaitu Encik Sharif bin Mustaffa, juga kepada rakan-rakan seperguruan Seni Silat Cekak, Persatuan Silat Seni Gayung, Institut Teknologi MARA, kepada guru utama Silat Seni Gayung Patani Malaysia iaitu Encik Anuar bin Abd. Wahab, perguruan Seni Silat Kuntau Melayu dengan guru utamanya Encik Mokhtar bin Haji Yahya, kepada Encik Abdul Rahiran bin Yasin, selaku guru Seni Silat Kuntau Sendeng Melaka, Sulaiman Surjan. Terima kasih saya ucapkan kerana dengan usaha mereka membantu saya amak dapat saya selesaikan perrrasalahan yang tidak terjawab oleh saya, yang banyak memerlukan pertolongan orang-orang seperti mereka yang arif tentang Seni Silat Melayu.

Sekian, wassalam.

BAB 1

# PENGENALAN

Tujuan penyel'idikan ini dibuat adalah untuk memberikan kesedaran kepada generasi muda kita terhadap seni bangsanya yang penting bagi pembinaan rohaniah dan jasmaniah dari digugat oleh arus perkembangan budaya sains dan teknologi kini. Mengenalkan apa itu warisan bangsa^ orang-orang melayu yang saya rasa cuma itu sajalah yang tinggal. Sesungguhnya inilah nilai-nilai yang cukup berharga untuk dihayati dan dipraktikkan. Jadi dalam pemasalahan yang saya kaji ialah kenapa ada di antara orang-orang melayu yang sepatutnya mewarisi dan meneruskan pusaka bangsa ini tidak nampak akan kelebihannya seni ini dari banyak segi. Hanya memandang pada satu sudut sahaja lantaran ada yang merasakan tidak perlunya seni silat dalam kehidupan mereka. Kajian ini akan cuba mengemukakan kepada masyarakat apa yang dikandung oleh seni silat, kerana ada di antara mereka hanya mengenal rupa kulit luarnya sahaja tetapi tidak tahu rasa isi yang dikandunginya.

Di dalam tesis ini saya akan menyentuh tentang aspek-aspek pergerakan, gaya dan teknik dalam seni silat amnya dan buah pukulan khususnya yang meliputi asal-usulnya serta difinasi seni silat dan buah pukulan juga kaitan antara kedua-duanya. Huraian selanjutnya disentuh aspek peranan buah pukulan seni silat melayu, kaedah-kaedahnya, gaya dalam pergerakan, teknik dan gaya